



INTERNATIONAL JOURNAL OF
HUMANITIES, PHILOSOPHY
AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



METAFORA AL-'ISTI^CA:RAṬ AL-TAMTHI:LIYYAṬ DALAM
HADIS RASULULLAH S.A.W

*AL-'ISTI^CA:RAṬ AL-TAMTHI:LIYYAṬ METAPHOR IN THE AHADITH OF
RASULULLAH S.A.W*

Mohamad Syukri Abdul Rahman^{1*}, Haji Mohammad Seman²

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Email: msyukri@kuis.edu.my

² Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Email: masman@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.03.2021

Revised date: 31.03.2021

Accepted date: 28.05.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., & Seman, M. (2021). Metafora *Al-'Isti^Ca:RaṬ Al-Tamthi:LiyyaṬ* Dalam Hadis Rasulullah S.A.W. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (14), 93-106.

DOI: 10.35631/IJHPL.414006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Hadis Rasulullah s.a.w pula merupakan *jawami^c al-kalim* yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang istimewa dan tersendiri. Para ulama semenjak zaman dahulu lagi mengambil berat dan memberi perhatian terhadap balaghah hadis. Bagaimanapun, kajian secara khusus mengenai *balaghah al-hadith* hanya ditemui setelah terbitnya kitab *al-Majazat al-Nabawiyyah* karangan al-Sharif al-Radiyy (359 – 406H). Beliau telah mengumpulkan sebanyak 360 hadis Nabi s.a.w dalam kitabnya dengan menjelaskan ciri-ciri *al-Isti^carah* serta keindahan bahasa dan sastera yang unik lagi halus. Selain dari kitab tersebut, perbincangan tentang *balaghah al-hadith* juga ditemui pada kitab *al-Fa'iq Fi Gharib al-Hadith* karangan al-Zamakhshariyy dan kitab-kitab syarah hadis seperti *Umdah al-Qari* karangan Imam Badruddin al-^cAyni. Berdasarkan penyelidikan, penulis dapati kajian-kajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebelum ini kebanyakannya berkaitan *balaghah al-Qur'an* dan amat sedikit menyentuh tentang *balaghah al-hadith*. Berdasarkan perkembangan di atas, kajian ini akan cuba menganalisis *al-'Isti^ca:raṬ al-Tamthi:liyyaṬ* dalam beberapa hadis pilihan daripada kitab *Riyad al-Salihin*. Antara tujuan analisis tersebut adalah untuk melihat dengan lebih dekat keunikan *al-'Isti^ca:raṬ al-Tamthi:liyyaṬ* di dalam hadis Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan maksud kepada para pendengar. Dapatan kajian ini diharap akan menyumbang kepada perkembangan penghayatan ilmu hadis dan balaghah Arab di bumi Malaysia tercinta.

Kata Kunci:

Metafora, *Al- 'Isti' a: rat al-Tamthi: liyyat* , *Hadis Rasulullah s.a.w.*

Abstract:

The Ahadith of Rasulullah s.a.w are jawamic al-kalim that possess special and distinct language features. Scholars since the classical time have paid great attention to balaghah al-hadith {Hadith rhetoric}. However, a specific study on balaghah al-hadith was only found after the publication of the book al-Majazat al-Nabawiyyah by al-Sharif al-Radiyy (359 – 406H). He collected as many as 360 Ahadith of the Prophet s.a.w in his book while explaining the features of al-Isticarah as well as the beauty of the language and the uniqueness and fineness of its literature. Besides this book, the discussion about balaghah al-hadith can also be found in the book al-Fa'iq Fi Gharib al-Hadith by al-Zamakhshariyy and Hadith commentary books like cUmdah al-Qari by Imam Badruddin al-cAyni. Based on the study, the author finds that researches that had been done for Master's and Ph.D. studies at Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mainly concentrated on balaghah al-Qur'an and only very few that touched on balaghah al-hadith. Looking at this situation, this study attempts to analyze al-'Isticarah:rat al-Tamthi:liyyat in several selected Ahadith from the book Riyad al-Salihin. One of the objectives of the analysis is to see more closely the uniqueness of al-'Isticarah:rat al-Tamthi:liyyat in the Ahadith of Rasulullah s.a.w. and its effectiveness in delivering the meaning and message to the audience. The findings from this research will hopefully be able to contribute to the development and lead to a greater appreciation of the knowledge of Hadith as well as Arabic rhetoric in Malaysia.

Keywords:

Metaphor, *Al- 'Isti' a: rat al-Tamthi: liyyat* , *Ahadith of Rasulullah s.a.w.*

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Ia merupakan bahasa yang unik dan terpelihara keasliannya. Ia merupakan bahasa pilihan Allah SWT. Bagi melihat keagungan bahasa ini dengan lebih mendalam maka penulis cuba mendalami salah satu tajuk daripada tajuk-tajuk ilmu al-Bayan, iaitu berkaitan keunikan *al- 'Isti' a: rat al-Tamthi: liyyat*. Pemilihan tajuk ini dibuat berdasarkan kepada kehalusan dan keberkesanan *al- 'Isti' a: rat* ini dalam menyampaikan maksud. Gaya bahasa ini banyak dipaparkan dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam keindahan dan keunikan bahasa Rasulullah s.a.w. Imam al-Khata:bi: (1982:64) membayangkan percakapan Rasulullah s.a.w. dalam bukunya, *Ghari:b al-Hadi:th* :“Sesungguhnya apabila Allah s.w.t. melantik rasulnya sebagai penyampai wahyu dan penyandang jawatan sebagai orang yang menjelaskan agamanya, maka Dia telah memilih bahasa yang paling jelas untuknya dan lidah yang paling fasih dan petah dalam memberi penjelasan agar beliau dapat menyampaikan dengan baik, melontarkan kata-kata dengan penjelasan dan pengenalan yang terbaik”.

Pengenalan al- 'Isti' a: rat al-Tamthi: liyyat

Shafi:c al-Sayyid (1995: 139) menyatakan *al- 'Isti' a: rat al-Tamthi: liyyat* dikategorikan sebagai *al- 'Isti' a: rat al-Murakkabat*. Ia juga dikenali sebagai *al-Tamthi:l*. Walaupun demikian, istilah

yang pertama lebih populer di kalangan para ulama terkemudian hingga ke hari ini. Manakala istilah yang kedua pula lebih populer di kalangan ulama terdahulu di samping penggunaan mereka dengan maksud *al-Tashbi:h al-Tamthi:liyy*.

Bagi mendapat gambaran yang jelas tentang *al-'Isti'a:raṭ* ini, penulis cuba menandatangani beberapa definisi dan pengenalan daripada ulama balaghah tentang *al-'Isti'a:raṭ* tersebut. Antaranya:

A. ^oAbd al-Fatta:h La:shi:n (1985:186) mendefinisikannya sebagai lafaz yang dikombinasikan. Ia digunakan pada makna tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan berpandukan kepada hubungan keserupaan sifat di antara makna asal dan makna kedua serta wujud *qari:naṭ* yang menghalang daripada penggunaan makna asal. Selain dari mendefinisikan *al-'Isti'a:raṭ* tersebut beliau berpendapat bahawa semua *al-'amtha:l al-sa'ir* (perumpamaan yang sering digunakan) dikategorikan sebagai *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyaṭ*.

B. Di:zi:rah Saqa:l (1997:167) mendefinisikannya sebagai lafaz yang bukan *mufrad*. Ia merupakan pengkombinasian yang datang daripada beberapa unsur dan digunakan pada makna tertentu tanpa mengikut makna asal yang ditetapkan serta wujud *qari:naṭ* yang menghalang daripada penggunaan makna asal.

Beliau menjelaskan bahawa *al-musta'a:rlahu (al-mushabbah)* dan *al-musta'a:minhu* (makna *al-mushabbahbih*) pada *al-'Isti'a:raṭ* tersebut berbilang-bilang. Maka *al-'Isti'a:raṭ* tersebut secara keseluruhannya merupakan sesuatu yang dikombinasikan serta datang daripada pelbagai unsur pada setiap penjurunya. Lalu ia menjadi *mathal* (perumpamaan) dan dinamakan *al-Tamthi:liyyaṭ*.

C. Fadl Hasan cAbba:s (1997: j.2, h.194-197) mendefinisikannya sebagai perumpamaan satu gambaran dengan gambaran yang lain yang mempunyai kaitan di antara keduanya dari segi makna. Berikutnya dibuang gambaran yang pertama yang merupakan *al-mushabbah* dan dikekalkan gambaran kedua yang merupakan *al-mushabbahbih*.

Beliau menjelaskan bahawa para ulama Balaghah menganggap *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyaṭ* sebagai *al-'Isti'a:raṭ* yang paling kuat dari segi balaghah dan pengaruhnya. Apabila ia popular maka ia menjadi *mathal*. Pada masa ini tidak boleh diubah sesuatu padanya.

Antara contoh *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyaṭ* ialah :

i. Firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيْتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجَّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا

وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ اتَّقَىٰ وَآتَى الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَئِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: (peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat haji. Dan bukanlah perkara kebajikan : kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu

berihram), akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya...

Surah al-Baqarat (2) : 189.

Pada dasarnya tujuan ayat di atas adalah untuk menyeru kaum muslimin agar tidak sibuk dengan perkara yang tidak memberi kebaikan dan faedah. Ia berkaitan dengan peristiwa di mana para sahabat Rasulullah s.a.w. bertanya baginda tentang anak bulan yang pada awalnya kecil, kemudian ia menjadi besar, seterusnya ia kembali sebagaimana asal. Maka Allah SWT menunjukkan mereka jalan terbaik bagi mereka ialah bertanya tentang perkara yang memberi manfaat bagi mereka, hidup dengan realiti dan mengutamakan perkara yang penting. Ayat di atas membuat perumpamaan keadaan orang yang mementingkan sesuatu yang tidak memberi manfaat, sibuk dengan sesuatu yang bukan realiti, memberi keutamaan kepada perkara yang tidak penting dalam membuat kajian dan di sebaliknya meninggalkan perkara yang penting dengan keadaan orang yang memasuki rumah dari belakang. Dia terpaksa memecahkan rumah dan merosakkannya untuk masuk. Di sebalik itu, sepatutnya dia memasuki rumah melalui pintunya (pintu hadapan) kerana ia lebih mudah dan tidak membawa kemudaratan dan kerosakan. Di sini dapat diperhatikan bahawa *al-mushabbahbih* digambarkan dalam bentuk pengkombinasian, iaitu memasuki rumah dari bahagian belakang tanpa melalui pintu hadapan.

ii. Rasulullah s.a.w. bersabda : “ لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ فِي جُحْرٍ مَرَّتَيْنِ ”

(Al-Bukhari: no. hadis 5991. Muslim no. hadis 7447)

Hadis di atas memberi maksud seorang mukmin tidak akan digigit atau disengat dua kali di dalam satu lubang. Hadis ini diucapkan Rasulullah s.a.w. kepada 'Abu: 'Izzat selepas dia ditawan dan dibebaskan, seterusnya dia mengulangi perkara yang sama.

iii. Al-Mutanabbi: mengungkapkan dalam syairnya:

وَمَنْ يَكُ ذَا فَمِ مَرْمَرِيضٍ يَجِدُ مَرًّا بِهِ الْمَاءَ الرَّزَالَا

Syair di atas memberi maksud sesiapa yang mempunyai mulut(lidah) yang pahit dan tidak sihat, dia akan merasai air tawar dan bersih itu pahit. Ungkapan ini dikatakan kepada orang yang tidak dapat membezakan di antara perkara yang baik atau hina. Ungkapan tersebut pada dasarnya diucapkan oleh al-Mutanabbi: kepada orang-orang yang merendah-rendahkan syairnya.

Al-'Istī'a:rat al-Tamthi:liyyat dan al-Maja:z al-Mursal al-Murakkab

Fadl Hasan ^cAbba:s(1997: j.2, h.197-199) menjelaskan bahawa Para penulis dari kalangan ulama terdahulu berpendapat bahawa *al-Maja:z al-Murakkab* berlaku pada *al-Maja:z al-Mursal* dan *al-'Istī'a:rat*. Walaupun demikian, para ulama terkemudian tidak menyentuh tentang topik ini. Mereka berpendapat bahawa *al-Maja:z al-Mursal* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu : *al-Maja:z al-Mufrad* dan *al-Maja:z al-Murakkab*. Mereka mentakrifkan *al-Maja:z al-Murakkab* sebagai jumlah yang mempunyai makna yang terkeluar daripada tujuan asal. Oleh yang demikian, setiap *jumlah khabariyyat* (ayat cerita) yang mana tujuannya bukan merupakan *fa:'idat al-khabar* atau *la:zim al-fa:'idat* merupakan *al-Maja:z al-Mursal al-murakkab* yang mempunyai *'ala:qat* secara *luzu:miyyat*. Demikian juga setiap *jumlah 'insha:'iyyat* yang terkeluar daripada makna dan tujuan asal. Sebagai kesimpulan dapat

dirumuskan bahawa *al-maja:z* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *al-Maja:z al-Mufrad* dan *al-Maja:z al-Murakkab*. *Al-Maja:z al-Mufrad* pula terbahagi kepada *al-Maja:z al-Mursal* dan *al-'Isti'a:rat*, demikian juga *al-Maja:z al-Murakkab* terbahagi kepada *al-Maja:z al-Mursal* dan *al-'Isti'a:rat*. Dalam konteks ini *al-'Isti'a:rat* dinamakan *Tamthi:liyyat*. Ia merupakan cabang kepada *Tashbi:h al-Tamthi:l*. Sementara *al-Maja:z al-Mursal* tidak dinamakan demikian. Ia berlaku pada setiap *jumlat khabariyyat* (ayat cerita) dan *jumlat 'insha:'iyyat* yang terkeluar daripada makna dan tujuan asal.

Antara contoh *jumlat khabariyyat* yang berkaitan ialah :

A. Firman Allah SWT:

قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي

Maksudnya :

Wahai tuhanku! sesungguhnya telah lemahlah tulang-tulangku.

Surah Maryam (19) : 4.

B. Firman Allah SWT:

قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنثَىٰ

Maksudnya :

Wahai Tuhanku! sesungguhnya aku telah melahirkan seorang anak perempuan (sedang yang aku harap-harapkan ialah anak lelaki).

Surah 'A:l-Imra:n (3) : 36.

C. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ

Maksudnya :

Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati.

Surah 'A:l-Imra:n (3) : 185.

Ayat-ayat di atas menggambarkan jumlah yang terkeluar daripada makna dan tujuan asal *al-khabar* di mana tujuannya bukan merupakan *fa:'idat al-khabar* atau *la:zim al-fa:'idat*, bahkan tujuan ayat yang pertama ialah *al-tahassur* (meratapi), manakala ayat yang kedua pula *al-'Isti'ta:f* (memohon belas kasihan), seterusnya ayat ketiga menzahirkan kelemahan.

Antara contoh *jumlat 'insha:'iyyat* yang berkaitan ialah :

A. Firman Allah SWT:

فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُوْنَ

Maksudnya :

Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)

Surah al-Ma:'idat (5) : 91.

B. Firman Allah SWT:

أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ

Maksudnya :

Buatlah apa yang kamu suka.

Surah Fussilat (41) : 40.

Ayat-ayat di atas menggambarkan jumlah yang terkeluar daripada makna dan tujuan asal *al-'insha:*. Ayat yang pertama menunjukkan makna suruhan, iaitu “إِنَّهٗنَّ” (berhentilah) manakala ayat yang kedua pula menunjukkan makna ugutan. Kedua-dua bentuk soalan di atas terkeluar daripada maksudnya yang hakiki dan menunjukkan maksud majazi.

Perbezaan Di antara *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat*, *al-Tashbi:h al-Tamthi:liyy* dan *al-Tashbi:h al-Damniyy*

Terdapat ciri-ciri persamaan di antara ketiga-tiga topik di atas yang seringkali mendatangkan kekeliruan dan kecelaruan kepada para pembaca dan pengkaji ilmu Balaghah. Hal ini memerlukan kepada pemahaman secara terperinci dan mendalam tentang perbezaan tersebut. Bagi mendapat gambaran yang jelas tentang perbezaan tersebut penulis cuba mendedahkan definisi ketiga-tiga perkara tersebut secara terperinci sebagaimana berikut :

A. *Al-Tashbi:h al-Tamthi:liyy*

Gha:zi: Yamu:t (1995:268) menjelaskan bahawa *al-Tashbi:h al-Tamthi:liyy* mempunyai dua *tarki:b* yang dibuat perumpamaan secara jelas. *Tarki:b* yang pertama merupakan *al-mushabbah*, manakala *tarki:b* yang kedua merupakan *al-mushabbabih*. Di:zi:rah Saqa:l (1997:154) membawa contoh ungkapan al-Mutanabbi: dalam syairnya :

يَهْزُ الْجَيْشُ حَوْلَكَ جَانِبَيْهِ كَمَا نَفَضَتْ جَنَاحَيْهَا الْعُقَابُ

Syair di atas memberi maksud seorang tentera menggerakkan kedua tangannya bagaikan burung helang menggerakkan kedua sayapnya. *Tarki:b* yang pertama daripada syair di atas, iaitu seorang tentera menggerakkan kedua tangannya merupakan *al-mushabbah*, manakala *tarki:b* yang kedua, iaitu bagaikan burung helang menggerakkan kedua sayapnya merupakan *al-mushabbabih*.

B. *Al-Tashbi:h al-Damniyy*

Menurut pandangan Gha:zi: Yamu:t(1995: 269) *al-Tashbi:h al-Damniyy* mempunyai dua *tarki:b* yang dibuat perumpamaan. Bagaimanapun perumpamaan yang dibuat memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian kerana ia tidak digambarkan dengan jelas. *Tarki:b* yang pertama merupakan *al-mushabbah* sebagaimana pada *al-Tashbi:h al-Tamthi:liyy*, demikian juga *tarki:b* yang kedua merupakan *al-mushabbabih*. Di:zi:rah Saqa:l (1997:156) membawa contoh berkaitan perkara ini ungkapan penyair :

مَا كُلُّ مَا يَتَمَيُّ الْمَرَأُ يُدْرِكُهُ بَحْرِي الرِّيحِ بِمَا لَا تَشْتَهِي السُّفُنُ

Syair di atas memberi maksud tidak semua yang dicita-citakan seseorang dicapainya, kerana angin yang bertiup tidak mengikut kehendak kapal. Syair di atas menggambarkan cita-cita

seseorang tidak selalunya dicapai dengan gambaran kapal yang tidak sentiasa ditiup angin mengikut arah yang dituju. Maka *al-mushabbah* di sini ialah seseorang, manakala *al-mushabbahbih* pula ialah kapal. Seterusnya *wajh al-shabah* ialah ketidaksesuaian perkara yang dicita-citakan pada masa-masa tertentu.

C. *Al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat*

Gha:zi: Yamu:t(1995:269) menjelaskan *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* mempunyai dua *tarki:b* yang dibuat perumpamaan. Bagaimanapun perumpamaan yang dibuat merupakan perkara yang tersembunyi sebagaimana *al-Tashbi:h al-Damniyy*. Selain dari itu ungkapan *al-'Isti'a:raṭ* pada *al-'Isti'a:raṭ* ini tidak mengandungi *al-mushabbah*. Ia hanya mengandungi *al-mushabbahbih*. Ini bermaksud keadaan asal tidak wujud pada *al-'Isti'a:raṭ* ini. Contohnya ungkapan penyair:

قَدْ تُنْكِرُ الْعَيْنُ ضَوْءَ الشَّمْسِ مِنْ رَمَدٍ وَيُنْكِرُ الْفَمُّ طَعْمَ الْمَاءِ مِنْ سَقَمٍ

Syair di atas memberi maksud kadang-kadang mata tidak dapat melihat cahaya matahari kerana sakit, demikian juga mulut (lidah) tidak dapat mengecapi rasa air kerana sakit. Ungkapan di atas mempunyai dua *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* yang berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan berpaling daripada melihat kebenaran dengan keadaan sakit mata dan keadaan orang yang sakit yang tidak dapat merasai sesuatu. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbahbih*.

Al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat dalam Hadis-hadis Kitab *Riya:d al- Sa:lihi:n*

Bahagian ini merupakan paparan analisis *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al- Sa:lihi:n*. Dalam menganalisis *al-'Isti'a:raṭ* penulis bergantung kepada kitab-kitab syarah hadis dan balaghah selain dari pemahaman teori. Dalam kata lain penulis melihat kepada huraian dan contoh kitab-kitab berkenaan di samping pemahaman teori.

Disebabkan karya-karya ulama dan kajian-kajian masa kini dan sebelum ini tidak banyak menyentuh tentang balaghah hadis khususnya tentang *al-'Isti'a:raṭ*, maka penulis cuba mencungkil dan mengeluarkannya daripada karya-karya dan kajian-kajian ulama dalam bidang berkaitan secara '*istiqra:*'. Hasil dari usaha tersebut penulis dapati sebahagian daripada *al-'Isti'a:raṭ* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al- Sa:lihi:n* dihuraikan dengan jelas dalam kitab-kitab syarah hadis dan balaghah. Manakala sebahagian lagi disentuh secara umum tanpa dihuraikan dengan terperinci. Sebaliknya penulis yakin bahawa masih banyak *al-'Isti'a:raṭ* dalam hadis-hadis kitab *Riya:d al- Sa:lihi:n* yang tidak dihuraikan dalam kitab-kitab berkenaan.

Al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* dalam Hadis-hadis Kitab *Riya:d al- Sa:lihi:n**Hadis bilangan 1**

(Bab Taubat, no. hadis 16)

عَنْ أَبِي مُوسَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قَيْسِ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ
اللَّهَ تَعَالَى يَبْسُطُ يَدَهُ بِاللَّيْلِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ، وَيَبْسُطُ يَدَهُ بِالنَّهَارِ لِيَتُوبَ مُسِيءُ اللَّيْلِ حَتَّى
تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا.

(Muslim no. hadis 6938)

Al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat dalam hadis . إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَبْسُطُ يَدَهُ .

Hadis di atas memberi maksud sesungguhnya Allah SWT membuka tanganNya pada waktu malam untuk memberi keampunan kepada orang yang berdosa pada waktu siang. Demikian pada waktu siang Allah SWT membuka tanganNya untuk memberi keampunan kepada orang yang berdosa pada waktu malam. Ungkapan di atas mempunyai dua *al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* yang berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan Allah SWT yang ingin memberi keampunan dengan keadaan orang yang kehilangan sesuatu yang berharga yang amat diperlukan kemudian dia mendapatinya pada seseorang maka dia menghulurkan tanganya meminta dengan penuh simpati. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa kedua-dua *al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbah* (Al-Sa:diqi: Muhammad bin 'Alla:n: j.1, h.87)

Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* dalam hadis di atas secara terperinci.

Jadual 1:

<i>Al-Musta'a:r (المستعَار)</i>	<i>Al-Musta'a:r lahu (لَهُ) (المستعَار لَهُ)</i>	<i>Al-Musta'a:r minh (مِنْهُ) (المستعَار مِنْهُ)</i>	<i>Al-Ja:mi' (الجامع)</i>	<i>Al-Qari:nat (القرينة)</i>	<i>Mula:'im al-mushabbah (مُلَائِم (المُشَبَّه)</i>	<i>Mula:'im al-mushabbah (مُلَائِم (المُشَبَّه بِهِ)</i>
حَالَهُ مِنْ ضَاعَ لَهُ شَيْءٌ نَفِيسٌ لَا عَنِي لَهُ عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ مَعَ غَيْرِهِ فَإِنَّهُ يَمُدُّ يَدَهُ إِلَيْهِ طَالِبًا مُتَضَرِّعًا	حَالُ إِزَادَتِهِ تَعَالَى التَّوْبَةَ مِنْ عَبْدِهِ وَأَهْلًا مِمَّا يُحِبُّهُ	حَالَهُ مِنْ ضَاعَ لَهُ شَيْءٌ نَفِيسٌ لَا عَنِي لَهُ عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ مَعَ غَيْرِهِ فَإِنَّهُ يَمُدُّ يَدَهُ إِلَيْهِ طَالِبًا مُتَضَرِّعًا	الرَّجَاءُ	إِسْنَادٌ لَأَزِمِ الْمُشَبَّه بِهِ (يَبْسُطُ) إِلَى الْمُشَبَّه (اللَّهُ)	لِيَتُوبَ مُسِيءُ النَّهَارِ	-

Hadis bilangan 2

(Bab Berbuat Baik Terhadap Kedua Ibu Bapa dan Sambungan Silaturahmi,
no. hadis 315)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْخَلْقَ حَتَّى

إِذَا فَرَّغَ مِنْهُمْ قَامَتِ الرَّحِمُ فَقَالَتْ : هَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ مِنَ الْقَطِيعَةِ، قَالَ : نَعَمْ، أَمَا تَرْضَيْنَ أَنْ

أَصِلَ مَنْ وَصَلَكَ وَأَقْطَعَ مَنْ قَطَعَكَ ؟ قَالَتْ : بَلَى، قَالَ : فَذَلِكَ لَكَ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اِقْرءُوا إِنْ شِئْتُمْ : فَهَلْ عَسَيْتُمْ إِنْ تَوَلَّيْتُمْ أَنْ تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ وَتُقَطِّعُوا

أَرْحَامَكُمْ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فَأَصَمَّهُمْ وَأَعَمَّى

أَبْصَارَهُمْ.

وَفِي رَوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ : فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : مَنْ وَصَلَكَ وَصَلْتَهُ وَمَنْ قَطَعَكَ قَطَعْتَهُ.

(Al-Bukhari no. hadis 4771, 5850 dan 7336. Muslim no. hadis 6470)

Al- 'Isti' a: rat al- Tamthi: liyyat dalam hadis:

حَالُ الرَّحِمِ وَمَا هِيَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِفْتِقَارِ إِلَى الصَّبَلَةِ وَالذَّبِّ مِنَ الْقَطِيعَةِ

Ungkapan hadis di atas mempunyai *al- 'Isti' a: rat al- Tamthi: liyyat* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan Rahim yang memerlukan kepada sambungan dan menolak daripada terputus dengan keadaan keadaan orang yang meminta tolong kepada orang yang diminta pertolongan dengan memegang hujung kain yang menutupi badannya. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al- 'Isti' a: rat al- Tamthi: liyyat* di atas tidak mempunyai *al- mushabbah* (tersembunyi). Ia hanya mempunyai *al- mushabbah* (Muhammad Bi:lu: 'Ahmad 'Abu: Bakr: 75-77. Badr al-Di:n al- cAini:: j.19, h.173).

Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al- 'Isti' a: rat al- Tamthi: liyyat* dalam hadis di atas secara terperinci.

Jadual 2

<i>Al-Musta'ar</i> (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'ar lahu</i> (لَهُ) (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'ar minh</i> (المُسْتَعَار) (مِنْهُ)	<i>Al-Ja:mi'</i> (الْجَامِعُ)	<i>Al-Qari:naṭ</i> (الْقَرِيْنَةُ)	<i>Mula:'im al-mushabbah</i> (مُلَائِمُ) (الْمُشَبَّه)	<i>Mula:'im al-mushabbahbih</i> (مُلَائِمُ) (الْمُشَبَّه بِهِ)
حَالُ الْمُسْتَجِيرِ يَأْخُذُ بِدَيْلِ الْمُسْتَجَارِيهِ وَحَقْوِ إِزَارِهِ	حَالُ الرَّحِمِ وَمَا هِيَ عَلَيْهِ مِنْ الْإِفْتِقَارِ إِلَى الصِّلَةِ وَالدَّبِّ مِنَ الْقَطِيعَةِ	حَالُ الْمُسْتَجِيرِ يَأْخُذُ بِدَيْلِ الْمُسْتَجَارِيهِ وَحَقْوِ إِزَارِهِ	الْإِحْتِيَاجُ وَالْإِعْتِمَادُ	قَرِيْنَةٌ خَالِيَةٌ	يَدُوهُمَا	يَدُوهُمَا

Hadis bilangan 3

(Bab Doa Semasa Menaiki Binatang Tunggangan Semasa Musafir, no. hadis 973)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَرْجَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا سَافَرَ يَتَعَوَّدُ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ

وَكَاثِبَةِ الْمُتَقَلَّبِ وَالْحَوْرِ بَعْدَ الْكَوْرِ وَدَعْوَةَ الْمَظْلُومِ وَسُوءِ الْمَنْظَرِ فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ.

.(Muslim no. hadis 3230)

Al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat dalam hadis:

الحَوْرُ بَعْدَ الْكَوْرِ

Ungkapan di atas mempunyai *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu Keadaan manusia semasa dalam kesusahan selepas kemudahan dan semasa dalam keadaan sedikit selepas kemewahan, demikian dalam keadaan terlepas daripada halangan maknawi selepas ianya terhalang dengan keadaan berlaku kekurangan dengan apa yg telah diberikan. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbahbih* (Al-Shari:f al-Radiyy:143). Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* dalam hadis di atas secara terperinci.

Jadual 3:

<i>Al-Musta'ar</i> (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'ar lahu</i> (لَهُ) (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'ar minh</i> (المُسْتَعَار) (مِنْهُ)	<i>Al-Ja:mi'</i> (الْجَامِعُ)	<i>Al-Qari:naṭ</i> (الْقَرِيْنَةُ)	<i>Mula:'im al-mushabbah</i> (مُلَائِمُ) (الْمُشَبَّه)	<i>Mula:'im al-mushabbahbih</i> (مُلَائِمُ) (الْمُشَبَّه بِهِ)

الْحَوْرُ بَعْدَ الْكُورِ	حَالُ الْإِنْسَانِ فِي عُسْرِهِ بَعْدَ يُسْرِهِ، وَقَلَّةُ مَا فِي يَدِهِ بَعْدَ كَثْرَتِهِ، وَإِنْكَشَافُ سِتْرِهِ الْمَعْنَوِيِّ بَعْدَ أَنْ كَانَ مَسْتُورًا	الْحَوْرُ بَعْدَ الْكُورِ	عَدَمٌ اسْتِقْرَارِ الْحَالِ بَعْدَ اسْتِقْرَارِهَا	يَتَعَوَّدُ مِنْ	-	-
---------------------------	---	---------------------------	---	------------------	---	---

Hadis bilangan 4

(Bab Perintah Memelihara Sembahyang Fardu ...,
no. hadis 1075, Bab Penegasan Kewajipan Mengeluarkan Zalat...,
no. hadis 1206 dan Kitab Haji, Bab Kewajipan Menunaikan haji ..., no. hadis 1271)
عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ:

شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ
رَمَضَانَ.

(Al-Bukhari no. hadis 8. Muslim no. hadis 78)

Al- 'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat dalam hadis:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ

Ungkapan di atas mempunyai *al- 'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan Islam bersama rukun-rukunnya dengan keadaan khemah yang mempunyai lima tiang. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al- 'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbahbih*. Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al- 'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* dalam hadis di atas secara terperinci (Badr al-Di:n al-^cAini:: j.1, h.120. Fadl Hasan ^cAbba:s: j.2, h.173, h.175-176 dan h.223).

Jadual 4:

<i>Al- Musta^ca:r (المُسْتَعَار)</i>	<i>Al-Musta^ca:r lahu (المُسْتَعَار لَهُ)</i>	<i>Al-Musta^ca:r minh (المُسْتَعَار مِنْهُ)</i>	<i>Al- Ja:mi^c (الْجَامِع)</i>	<i>Al- Qari:na^t (الْقَرِيْنَةُ)</i>	<i>Mula: 'im al- mushabb ah (مُلَائِمُ الْمُشَبَّهِ)</i>	<i>Mula: 'im al- mushabb ahbih (مُلَائِمُ الْمُشَبَّهِ بِهِ)</i>
حَالَةُ خَبَاءٍ عَلَى أُفَيْمَتْ خَمْسَةَ أَعْمَدَةٍ	حَالَةُ الْإِسْلَامِ مَعَ أَزْكَانِهِ الْحَمْسَةِ	حَالَةُ خَبَاءٍ أُفَيْمَتْ عَلَى خَمْسَةِ أَعْمَدَةٍ	الْإِعْتِمَادُ عَلَى الْأَسَاسِ	إِسْتِنَادٌ لِأَزْمِ الْمُسْتَبَّهِ بِهِ (بُنِيَ) إِلَى الْمُسْتَبَّهِ (الْإِسْلَامِ)	-	-

Hadis bilangan 5

(Bab Haram Hasad, no. hadis 1778)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : هَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ لِبَايَةٍ.

وَلَا تَتَنَاجَشُوا. وَلَا يَبِيعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ. وَلَا يَخْطُبُ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ. وَلَا تَسْأَلُ الْمَرْأَةُ

طَلَّاقَ أُخْتِهَا لِتَكْفَأَ مَا فِي إِنْثَائِهَا.

(Al-Bukhari no. hadis 2116. Muslim no. hadis 3412)

Al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat dalam hadis:

وَلَا تَسْأَلُ الْمَرْأَةُ طَلَّاقَ أُخْتِهَا لِتَكْفَأَ مَا فِي

إِنْثَائِهَا

Ungkapan di atas mempunyai *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* berasaskan kepada perumpamaan situasi yang dibuang, iaitu keadaan saudara perempuan yang berusaha supaya saudaranya diceraikan agar dia dapat berkahwin dengan iparnya dengan keadaan orang yang mengosongkan bekas air lalu dia meminum semua air yang dimasukkannya. Daripada contoh di atas dapat disimpulkan bahawa *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* di atas tidak mempunyai *al-mushabbah*. Ia hanya mempunyai *al-mushabbahbiḥ*. Jadual berikut menjelaskan unsur-unsur *al-'Isti'a:raṭ al-Tamthi:liyyat* dalam hadis di atas secara terperinci (Al-Shari:f al-Radiyy: 53-54. Fadl Hasan ^cAbba:s: j.2, h.226).

Jadual 5:

<i>Al-Musta'a:r</i> (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'a:r</i> لَهُ (لَهُ) (المُسْتَعَار)	<i>Al-Musta'a:r</i> <i>minh</i> (المُسْتَعَار) (مِنْهُ)	<i>Al-Ja:mi'</i> (الْجَامِع)	<i>Al-Qari:naṭ</i> (الْقَرِينَةُ)	<i>Mula:'im</i> <i>al-mushabbah</i> (مُلَائِم) (الْمُشَبَّه)	<i>Mula:'im</i> <i>al-mushabbahbiḥ</i> (مُلَائِم) (الْمُشَبَّه بِهِ)
حَالَةُ الشَّخْصِ الَّذِي يَقْلُبُ الْإِنَاءَ فَيَفْرُغُ مَا فِيهِ ثُمَّ يَأْكُلُهُ كُلَّهُ أَوْ يَشْرَبُهُ كُلَّهُ	حَالَةُ الْأَخْتِ الَّتِي تَعْمَلُ عَلَى طَلَّاقٍ مِنْ أُخْتِهَا رَوْجَهَا لِيَنْتَرَوْجَ هِيَ بِهِ	حَالَةُ الشَّخْصِ الَّذِي يَقْلُبُ الْإِنَاءَ فَيَفْرُغُ مَا فِيهِ ثُمَّ يَأْكُلُهُ كُلَّهُ أَوْ يَشْرَبُهُ كُلَّهُ	مُنْتَزَعٌ مِنْ مُتَعَدِّدٍ فَجَامِعٌ لِلتَّشْبِيهِ الْأَوَّلِ (تَشْبِيهِ طَلَبِ التَّطَلُّقِ بِمَحَاوَلَةِ قَلْبِ الْإِنَاءِ) السَّيِّئَةِ وَلِلتَّانِي (وَفُوعِ	قَرِينَةٌ حَالِيَةٌ	-	-
						H43

keadaan orang yang mengosong kan bekas air lalu dia meminum semua air yang dimasukkan			التَّطْلِيْقُ بِإِفْرَاحِ الإِنَاءِ (حُصُولِ الْفُرْصَةِ وَاللِّتَالِثِ (الرَّوَّاجِ بِزَوْجِ الأُخْتِ بِأَكْلِ مَا فِي الإِنَاءِ كُلِّهِ أَوْ شَرِبِهِ كُلِّهِ) الطَّمْعُ وَالْخِيَانَةُ.			
---	--	--	---	--	--	--

Penutup

Al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat merupakan gayabahasa ilmu *al-Baya:n* yang mempunyai keindahan imajinasi dan kesempurnaan dari segi penyampaian maksud. Sebagaimana *al-'Isti'a:rat* yang lain, penggunaan *al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* dalam pengolahan ayat akan memberikan makna yang banyak dengan penggunaan lafaz yang sedikit. Selain itu, *al-'Isti'a:rat* ini juga memberi maksud *ta'ki:d* atau *muba:laghat* dalam memberi pujian atau celaan atau kebanggaan. Para sasterawan Arab memaparkan gayabahasa *al-'Isti'a:rat* dalam prosa dan puisi mereka. Selain itu, ia juga dipaparkan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah saw. Ia menggambarkan keindahan dan kesantunan bahasa Arab. Dapatan kajian memperlihatkan kesantunan dan keindahan Bahasa Rasulullah s.a.w. Dr. Yu:suf al-Qarada:wi (1992: 21-22) menyatakan bahawa percakapan Rasulullah s.a.w. yang sahif samada panjang atau pendek merupakan kemuncak ketinggian komunikasi manusia dan balaghahnya. Ketinggian tersebut merangkumi aspek zahir dan hakikat, isi dan luaran, demikian juga idea dan gaya bahasa. Ia terkumpul daripada himpunan ilmu, intipati hikmah, hakikat makrifah, keindahan syariah, keindahan suruhan dan keanihan *al-'amtha:l* dan *tashbi:h* yang tidak pernah dikumpulkan oleh percakapan orang yang fasih dan bijaksana. Ia amat mudah untuk difahami, mempunyai cita rasa yang hebat dan bersifat dinamik.

Diharap kajian ini dapat menjelaskan keunikan *al-'Isti'a:rat al-Tamthi:liyyat* dalam hadis Rasulullah s.a.w selain menjadi asas kepada kajian lanjutan merangkumi kajian teks dan kajian lapangan.

Rujukan

- Al-^cAini:, Badr al-Di:n 'Abu: Muhammad Mahmu:d bin 'Ahmad (t.t.), *'Umdat al-Qa:ri'* *Sharh Sahi:h al-Bukha:ri:*. t.t. : Da:r al-Fikr.
- Al-^cAsqala:ni:, 'Ahmad bin ^cAli: bin Hajar 'Abu: al-Fadl 1379H. *Fath al-Ba:ri: Sharh Sahi:h al-Bukha:ri:*, Tahkik 'Ahmad bin ^cAli: bin Hajar 'Abu: al-Fadl al-^cAsqala:ni:. Beirut : Da:r al-Ma^ca:rif.
- ^cAbd al-Fatta:h La:shi:n 1985. *Al-Baya:n Fi: Daw' 'Asa:li:b al-Qur'a:n*. Kaherah : Da:r al-Ma^ca:rif.
- Al-Bukha:ri:, Muhammad bin 'Isma:^ci:l 'Abu: ^cAbd 'Alla:h t.t. *Sahi:h al-Bukha:ri:*. Beirut : Dar 'Ihya:' al-Tura:th al-^cArabi:.

- Al-Khata:bi:1982. *Ghari:b al-Hadi:th*. Markaz al-Bahth al-^oIlm Fi: Jami^oat 'Umm al-Qura:.
Al-Qarada:wi:, Yu:suf 1992. *Al-Madkhal Li Dira:sat al-Sunnat al-Nabawiyat*, c.3.
^oA:bidi:n Kaherah : Maktabat Wahbat.
- Al-Sa:diqi:, Muhammad bin ^oAlla:n t.t. *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*.
Beirut : Dar al-Kutub al-^oIlmiyyat.
- Al-Shari:f al-Radiyy 1967. *Al-Maja:za:t al-Nabawiyat*, Tahkik dan suntingan Ta:ha:
Muhammad al-Zayni:. Kaherah : Matba^oat al-Faja:lat al-Jadi:dat.
- Al-Zamakhshari:, Ja:r 'Alla:h t.t. *Al-Fa:'iq Fi: Ghari:b al-Hadi:th*, Tahkik Muhammad
'Abu: al-Fadl 'Ibra:hi:m Wa ^oAli: Muhammad al-Baja:wi:, c.2. Beirut : Da:r al-Ma^orifa:t.
- Di:zi:rah Saqa:l 1997. *'Ilm al-Baya:n Bayna al-Nazariyya:t Wa al-'Usu:l*. Beirut : Da:r al-
Fikr al-^oArabiyy.
- Fadl Hasan ^oAbba:s 1997. *Al-Bala:ghat Funu:nuha: wa Afna:nuha:*, c.4. Yarmouk : Da:r al-
Furqa:n Li al-Nashr Wa al-Tawzi:.
- Gha:zi: Yamu:t 995. *'Ilm 'Asa:li:b al-Baya:n*, c.2. Beirut : Da:r al-Fikr al-Lubna:niyy
- Muhammad Bi:lu: 'Ahmad 'Abu: Bakr 1979. *Min Bala:ghat al-Sunnat*. Sha:ri^o al-Su:q al-
Tawfi:qiyyat : Matba^oat 'Atlas.
- Muslim bin Hajja:j 'Abu: al-Husayn al-Qushayri: al-Naysa:bu:riyy 1992. *Sahi:h al-Muslim*.
Beirut : Da:r al-Kutub al-^oIlmiyyat.
- Shafi:^o al-Sayyid 1995. *Al-Ta'bi:r al-Baya:ni: Ru'ya:t Bala:ghiyat Naqdiyyat*, c.4. Madinat
Nasr Kaherah : Da:r al-Fikr al-^oArabiyy.